

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(VII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATO SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

2. Isu bayaran khairat kematian Skim Warga Emas i-Sejahtera, pemohon terpaksa menunggu selama 6 bulan untuk menerimanya dan tiada notis makluman bayaran dihantar kepada pemohon. Ini menyebabkan pemohon tidak tahu bila akan terima bayaran dan sentiasa menghubungi pejabat YB. bagi isu ini. Apakah tindakan atau cadangan menyelesaikan masalah ini?

**YB. PHEE BOON POH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri sebagai negeri berkebajikan telah melaksanakan beberapa inisiatif membantu kebajikan rakyat khususnya golongan warga emas. Antaranya ialah bantuan khairat kematian yang dikenali sebagai Program Sumbangan Pengurusan Jenazah dimana waris warga emas akan mendapat wang sumbangan sebanyak RM1,000.00 yang disalurkan secara *electronic fund transfer (EFT)* ke akaun bank waris.

Pejabat Daerah dan Tanah selaku agensi pelaksana akan melakukan pembayaran sekiranya dokumen sokongan yang dikemukakan oleh waris lengkap. Berdasarkan ketetapan Kerajaan Negeri, pembayaran perlulah dilakukan selewat-lewatnya 30 hari dari tarikh permohonan dan setakat ini tiada sebarang aduan berhubung pemohon terpaksa menunggu hampir enam bulan untuk mendapatkan wang sumbangan. Bagi setiap permohonan yang berjaya, Pejabat Daerah dan Tanah akan mengemukakan surat makluman mengenai status permohonan dan sesalinan EFT ke akaun. Oleh itu, sekiranya terdapat permohonan yang mengambil masa selama 6 bulan, Yang Berhormat

boleh memaklumkan permohonan terlibat kepada Pejabat Daerah untuk semakan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri telahpun melakukan penambahbaikan pada tahun 2018, iaitu pembayaran program ini akan dilakukan sepenuhnya secara EFT dan dibayar setiap minggu pada hari Isnin.